



**TERMA RUJUKAN PENJUALAN TANAH MILIK PERBADANAN LABUAN LOT
32206 PN12361, JALAN PATAU-PATAU, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

1. Tawaran ini terbuka kepada semua syarikat / pemaju tempatan yang berdaftar di Malaysia.
2. PL memiliki sebidang tanah Lot 32206 PN12361 (**Lampiran A**) seluas kira-kira **8914 meter persegi** di Jalan Patau-Patau, yang terletak di Jalan Patau- Patau, WP Labuan. (**Lampiran B**).
3. Syarat guna tanah dan kategori tanah adalah bagi tujuan pendaratan dan penyimpanan bahan-bahan binaan sahaja dan segala pembangunan perlu mengemukakan permohonan untuk Kebenaran Merancang dan plan bangunan untuk kelulusan daripada OSC (Pusat Sehenti), PL. Sebarang pembangunan lot tanah ini perlu dibuat Kajian Alam Sekitar dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar WP Labuan.
4. Pada masa ini, lot tanah adalah kawasan laut dan pemaju bertanggungjawab untuk membangunkan lot tanah dengan kewangan sendiri. Kawasan ini tidak mempunyai laluan jalan dan pemaju bertanggungjawab untuk menyediakan laluan jalan ke lot tersebut.
5. Pemaju perlu menyediakan salinan cadangan laporan berwarna yang lengkap yang menunjukkan plan pembangunan secara keseluruhan tapak dan plan perspektif dalam bentuk *soft copy* dan *hard copy* dalam 10 salinan.

6. Pemaju perlu mengemukakan cadangan konsep pembangunan lot tanah ini. Lot tanah ini boleh dibangunkan dengan pembangunan selain yang disyaratkan dalam sekatan tanah tetapi segala kos tukar syarat tanah adalah tanggungjawab pemaju.
7. Pemaju perlu memberikan peluang dan keutamaan pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam pembangunan ini setelah dibangunkan
8. Pemaju perlu menyatakan perincian kos pecahan projek. Syarikat perlu menyatakan daya maju projek dan sasaran dalam memastikan projek tersebut menguntungkan.
9. Harga penjualan lot tanah tertakluk kepada harga tanah semasa berpandukan nilai daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Labuan, Kementerian Kewangan. Pemaju juga hendaklah menjelaskan bayaran harga jualan semasa 10% daripada harga jualan setelah surat tawaran dikeluarkan dan baki 90% dalam tempoh kuatkuasa perjanjian. Harga tanah berdasarkan penilaian JPPH adalah **RM1.8 juta**.
10. PL berhak menjemput pemaju membentangkan cadangan atas kos sendiri.
11. Sekiranya tidak ada keputusan ke atas cadangan ini daripada PL dalam tempoh setahun, maka cadangan ini dianggap tidak dipertimbangkan oleh PL.
12. PL tidak tertakluk kepada tawaran tertinggi daripada pemaju.